SEPANG tabalkan dua Juara Dunia

Aksi cemerlang dan konsisten pelumba Fiat Yamaha, Jorge Lorenzo pada musim 2010, akhirnya disudahkan dengan meraih mahkota kejuaraan MotoGP musim ini selepas tamat perlumbaan Grand Prix Malaysia di Litar Antarabangsa Sepang

Lorenzo yang bermula di petak utama menamatkan perlumbaan tempat ketiga, bagaimanapun ia cukup buatnya mengesahkan kejuaraan walaupun masih berbaki tiga perlumbaan di GP Australia, Portugal dan Valencia.

'Hari ini adalah yang paling gembira dalam hidup saya dan kami perlu meraikannya,' ujar penunggang Sepanyol itu.

'Saya bermula dengan baik di barisan depan dan memberi tumpuan untuk memenangi perlumbaan.

'Tetapi apabila tayar saya mula tergelincir, saya sedar bahawa saya perlu menamatkan perlumbaan meskipun di tempat ketiga.'
Ini adalah kejuaraan pertama Lorenzo dalam kelas MotoGP dan kali terakhir pelumba Sepanyol muncul juara keseluruhan ialah pada 1999 yang dilakukan oleh Alex Criville dari pasukan Repsol Honda.
Dalam perlumbaan Moto2, seorang lagi penunggang Sepanyol, Toni Elias, muncul juara dunia buat kali pertama meskipun menduduki tempat keempat.

Menurut Elias, dia tidak dapat berkata apa-apa sebaik sahaja melintasi garisan penamat dan sedar bahawa kejuaraan Moto2 sudah menjadi miliknya."Saya menganggap ini adalah saat yang paling manis buat saya, saya hanya memikirkan tentang kejuaraan ini sepanjang beraksi, akhirnya ia betul-betul menjadi milik saya sekarang," katanya. "Keluarga saya banyak membantu dalam menaikkan karier saya sampai ke tahap ini, sampai sekarang saya tidak percaya mampu meraih kejayaan, kemenangan ini adalah untuk semua orang termasuk Shoya Tomizawa," katanya.

Elias sebelum ini pernah beraksi dalam kelas MotoGP dari 2005 hingga 2009, bagaimanapun penukaran kelas kembali kepada Moto2 atau dahulunya dikenali sebagai kelas 250cc tahun ini membawa tuah kepadanya.

Dengan lebih 105,000 penonton selama tiga hari perlumbaan, ternyata perubahan ketara berjaya dilaksanakan terutama bagi meraih kembali tarikan, ditambah dengan pengumuman Litar Antarabangsa Sepang akan kekal sebagai lokasi perlumbaan MotoGP untuk tiga tahun lagi sehingga 2013.

Litar Antarabangsa Sepangyang menjadi lokasi pusingan ke-15 MotoGP dunia tahun ini, turut menjadi tumpuan terutama persaingan peribadi di antara juara dunia MotoGP, Jorge Lorenzo dan Valentino Rossi yang akhirnya memahkotakan Lorenzo sebagai juara musim 2010.

Meskipun dua wira tempatan, Mohd Zulfahmi Khairuddin dan Md Zamri Baba sekadar menamatkan perlumbaan, kelibat mereka menimbulkan impak besar di pentas dunia.